

Headline	UniKL masih mempunyai aura juara - Govers		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	13 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	245,911	Readership	737,733
Section	Sukan	Page No	79
ArticleSize	281 cm ²	Journalist	ZAZALI JAMIAN
PR Value	RM 18,993		



UniKL masih mempunyai aura juara - Govers

Oleh **ZAZALI JAMIAN**
sukan.ufusan@gmail.com.my

KUALA LUMPUR 12 Jan. - Tonggak Import Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Keiran Govers percaya pasukannya akan bangkit selepas tewas dalam aksi Piala Sumbangsih, semalam.

Dalam aksi Piala Sumbangsih tersebut, UniKL tewas kepada Pasukan Hoki Terengganu (THT) di Stadium Hoki Batu Buruk, Terengganu menerusi penentuan penalti selepas kedua-dua pasukan terikat 2-2 sewaktu perlawanan penuh.

Kata Govers dari Australia, dia tetap percaya UniKL mempunyai aura juara bagi meraih kecemerlangan dalam kempen Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL 2019).

"Kami memperoleh peluang lewat permainan dan secara keseluruhan saya percaya pasukan sudah memberikan aksi terbaik.

"Sudah tentu ia satu pengalaman manis jika dapat memenangi Piala Sumbangsih tetapi apa pun kami tetap berjaya mengutip satu mata selepas seri 2-2 pada masa penuh.

"Tiba masanya untuk melupakan semua ini dan fokus bagi baki saingan liga selepas ini," kata Govers.

Govers yang memenangi Trofi Juara-Juara bersama Australia pada 2010 dan 2012, Piala Dunia 2010 dan 2014 serta pingat emas Sukan Komanwel Glasgow 2014 akan bergandingan dengan beberapa bintang dunia lain bersama UniKL musim ini.



AKSI UniKL ketika menentang THT dalam perlawanan Piala Sumbangsih di Stadium Hoki Batu Buruk, Kuala Terengganu kelmarin. - BERNAMA